

Kedudukan empat ahli Parlimen wakili Snap tidak terjejas

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Kedudukan empat ahli Parlimen yang mewakili Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) tidak terjejas walaupun parti itu telah dibatalkan pendaftarannya hari ini kerana gagal menyelesaikan krisis kepimpinannya.

Empat Ahli Parlimen itu ialah Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki Lafe (Mas Gading), Datuk Seri Peter Tinggom (Saratok), Jacob Dungau Sagan (Baram) dan Datuk Seri Tiong King Sing (Bintulu).

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail berkata, ahli-ahli Parlimen berkenaan kekal sebagai wakil rakyat Barisan Nasional (BN) melainkan jika mereka keluar parti.

“Apabila seseorang itu menang dia akan terus menjadi ahli parlimen selama satu penggal sehingga pilihan raya yang lain, melainkan dia hilang kelayakan dan melanggar Perlembagaan,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas keputusan Pendaftar Pertubuhan, Datuk Ismail Dolah Harun membatalkan pendaftaran parti komponen BN yang berusia 41 tahun itu.

Mengenai kedudukan Dr. Tiki Lafe sebagai timbalan menteri, Mohamed Zahir berkata, ia adalah hak prerogatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Beliau masih menjalankan tugas dan kekal sebagai timbalan menteri, kedudukannya tak berubah,” katanya.